

PERATURAN DAN TATACARA BANTUAN DERMASISWA

1.0 PENDAHULUAN

Bantuan Dermasiswa merupakan satu inisiatif dalam bentuk bantuan kewangan yang dilaksanakan oleh KOSMA untuk membantu warga KOSMA melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi.

2.0 TUJUAN

- 2.1 *Mengurangkan beban kewangan yang dialami oleh warga KOSMA dalam bidang pendidikan.*
- 2.2 *Menggalakkan anggota / anak anggota melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi.*

3.0 KATEGORI

- 3.1 *Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5*
- 3.2 ***PRA Universiti** hingga Ijazah Sarjana Muda (*Dahulunya Tingkatan 1-6*)*
- 3.3 *Masters / Ijazah Sarjana*
- 3.4 *PHD*

4.0 TATACARA PERLAKSANAAN

4.1 Syarat-syarat Permohonan

- a) *Setiap anggota layak membuat permohonan maksima bagi **DUA** orang anak sahaja untuk tahun yang sama. (4 orang bagi suami isteri yang menjadi anggota).*
- b) *Bagi permohonan berlapis iaitu suami dan isteri yang memohon Bantuan Dermasiswa untuk anak yang sama, keutamaan akan diberikan kepada permohonan yang diterima lebih awal.*
- c) *Semua dokumen sokongan yang dikemukakan mestilah **DISAHKAN** oleh wakil rakyat / senator / pesuruhjaya sumpah / ketua jabatan /dekan fakulti / penghulu / ketua kampung / pengerusi JKK atau mana-mana pegawai kerajaan kategori A.*

- d) *Semua pemohon mestilah melengkapkan kesemua borang dan mestilah mendapat perakuan oleh **KETUA JABATAN / DEKAN FAKULTI / PENGETUA / GURU BESAR / GURU.***
- e) *Semua permohonan mestilah dihantar kepada **Setiausaha KOSMA.***
- f) *Permohonan hanya terbuka kepada anggota atau anak anggota yang belajar di tahun semasa.*
- g) *Semua maklumat pemohon adalah **BENAR** dan telah diisi dengan **LENGKAP.***
- h) *Permohonan hendaklah dilakukan bermula **1 Sept hingga 30 Nov** setiap tahun untuk kategori (3.1) dan bermula **1 Jan hingga 31 Mac** setiap tahun untuk kategori (3.2).*

4.2 Kaedah Permohonan

- a) *Anggota boleh mendapatkan borang permohonan Bantuan Dermasiswa dari ibu pejabat KOSMA / wakil yang telah dilantik oleh KOSMA di daerah-daerah atau mencetaknya daripada laman web KOSMA iaitu www.kosma.com.my.*
- b) *Dokumen sokongan yang perlu diserahkan bersama borang permohonan adalah salinan surat beranak (**untuk anak anggota wanita**) dan kad pengenalan pemohon (muka hadapan dan belakang dibuat salinan pada muka surat yang sama).*
- c) *Semua dokumen sokongan hendaklah disediakan oleh pemohon dengan menggunakan kertas **BERSAIZ A4** dan **DISAHKAN** oleh pihak **4.1(c)**.*
- d) *Semua permohonan mestilah melalui pengetua sekolah / ketua jabatan atau dekan fakulti mengikut tahap pendidikan masing.*
- e) *Sekiranya maklumat yang dikemukakan **PALSU** atau **TIDAK LENGKAP**, Bantuan Dermasiswa akan ditarik balik atau permohonan akan ditolak.*
- f) *Permohonan mestilah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan di **4.1(h)**.*

4.3 Kadar Sumbangan Bantuan Dermasiswa

a)	<i>Tingkatan 1</i>	<i>RM100.00</i>
b)	<i>Tingkatan 2</i>	<i>RM120.00</i>
c)	<i>Tingkatan 3</i>	<i>RM150.00</i>
d)	<i>Tingkatan 4</i>	<i>RM200.00</i>
e)	<i>Tingkatan 5</i>	<i>RM250.00</i>
f)	<u>PRA Universiti</u> / <i>Sijil</i>	<i>RM400.00</i>
g)	<i>Diploma</i>	<i>RM500.00</i>
h)	<i>Ijazah Sarjana Muda</i>	<i>RM650.00</i>
i)	<i>Masters</i>	<i>RM800.00</i>
j)	<i>PHD</i>	<i>RM1000.00</i>
k)	<i>Lain-lain</i>	

**Nota : Lain-lain tahap pembelajaran (di dalam dan luar negara) yang setaraf dengan senarai di atas dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.*

4.4 Kelulusan Lembaga

Semua senarai permohonan untuk Bantuan Dermasiswa akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga untuk mendapatkan kelulusan sebelum sumbangan kewangan dihulurkan kepada pemohon. Keputusan yang dibuat oleh Anggota Lembaga adalah muktamad.

4.5 Proses Pembayaran

- a) *Pembayaran Bantuan Dermasiswa hanya akan diproses selepas menerima borang permohonan yang **LENGKAP** dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga KOSMA sahaja.*
- b) *Pembayaran akan dilakukan dalam tempoh 30 hari selepas kelulusan.*
- c) *Pembayaran akan dihantar kepada pemohon melalui pos biasa.*

4.6 Pindaan Dan Perubahan

Sebarang perubahan pada terma syarat dan peraturan yang telah ditetapkan untuk Bantuan Dermasiswa adalah tertakluk kepada keputusan Anggota Lembaga KOSMA dari semasa ke semasa.

4.7 Lain-Lain

Sebarang bukti penghantaran melalui pos biasa / pos ekspres bukanlah bukti penerimaan oleh pihak KOSMA. Pihak KOSMA tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang masalah dari segi penghantaran dan sebagainya oleh anggota.

TAHUN _____

BORANG PERMOHONAN BANTUAN DERMASISWA
"DERMASISWA" SUPPORT APPLICATION FORM

Sila isi dengan **HURUF BESAR** / *Please fill in with CAPITAL LETTER.*

Tandakan (✓) di petak pilihan dan potong yang tidak berkenaan / *Tick (✓) where applicable and cancel where inappropriate.*

1) MAKLUMAT PERIBADI / PERSONAL INFORMATION

- a) Nama Anggota / *Member's Name* :
- b) No. K/P (Baru) / *NIRC (New)* :
- c) No. Anggota KOSMA / *Membership No.* :
- d) Alamat / *Address* :

-
- e) Tel / *Tel* : (i) Rumah / *Home* :
- (ii) Bimbit / *Mobile* :
- (iii) Pejabat / *Office* :

- f) Permohonan untuk **(ANGGOTA / ANAK)** / *Application for (MEMBER / CHILD)*

(Permohonan untuk anggota sendiri, sila kosongkan bahagian f (i) hingga (v) / For member's application, please ignore part f (i) to (v))

- (i) Nama Anak / *Name of Child* :
- (ii) No. K/P (Baru) / *NRIC (New)* :
- (iii) Alamat / *Address* :

-
- (iv) Tel / *Tel*: (i) Rumah / *Home* :
- (ii) Bimbit / *Mobile* :
- (iii) Pejabat / *Office* :

- (v) Taraf Perkahwinan / *Marital Status* :

2) MAKLUMAT AKADEMIK / ACADEMIC INFORMATION

- a) Tempat Pengajian / *Name of Institution* :
- b) Tahun Pengajian / *Year of Education* :

3) KATEGORI DIPOHON / CATEGORY APPLIED

- i) Tingkatan 1 / *Form 1*
- ii) Tingkatan 2 / *Form 2*
- iii) Tingkatan 3 / *Form 3*
- iv) Tingkatan 4 / *Form 4*

- v) Tingkatan 5 / *Form 5*
- vi) Tingkatan 6 Bawah / Atas / *Lower / Upper 6* / Pra Universiti
- vii) Matrikulasi / Sijil / *Matriculation / Certificate*
- viii) Diploma / *Diploma*
- ix) Ijazah Sarjana Muda / *Degree*
- x) Ijazah Sarjana / Masters
- xi) PHD
- xii) Lain-lain (sila nyatakan) / *Others (please state)* :

**Nota : Lain-lain tahap pembelajaran (di dalam dan luar negara) yang setaraf dengan senarai di atas dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia*

4) PENGESAHAN (GURU / GURU BESAR / PENGETUA / KETUA JABATAN / DEKAN FAKULTI) / (TEACHER / PRINCIPAL / HEAD OF DEPARTMENT / DEAN OF FACULTY) CERTIFICATION

Saya dengan ini mengesahkan semua maklumat akademik berkaitan yang telah diberikan oleh pemohon adalah benar. / *I hereby certified that all academic information supplied by the applicant is true.*

Tarikh / *Date* : T/tangan / *Signature* :
 Nama / *Name* :

5) PENGAKUAN PEMOHON / APPLICANT DECLARATION

Saya dengan ini, mengaku bahawa maklumat yang diberi di atas adalah benar dan saya faham akan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan. Pihak KOSMA berhak untuk mengambil tindakan menolak permohonan ini sekiranya didapati maklumat yang diberikan adalah palsu. / *I hereby solemnly acknowledge that all information furnished above is true and I understand the terms and conditions of the "Dermasiswa" as determined by the management. KOSMA reserves the right to revoke my application if any information is found to be false or untrue.*

Tarikh / *Date* : T/tangan / *Signature* :
 Nama / *Name* :

NOTA / NOTE : Tarikh permohonan bagi kategori **3 (i) hingga (v)** ialah **1 Jan - 31 Mac** dan untuk kategori **3 (vi) hingga (xii)** ialah pada **1 Sept – 30 Nov.** pada setiap tahun. Sila hantar borang yang telah diisi dengan lengkap bersama salinan kad pengenalan, surat beranak (**untuk anak anggota wanita**) dan sijil / transkrip peperiksaan yang telah **DIAKUI SAH** kepada: / *The application date for category 3 (i) to (v) is from Jan. 1st - Mac 31st and for category 3 (vi) to (xii) is from Sept. 1st - 30th Nov. every year. Please submit the completed form and a CERTIFIED TRUE COPY of NRIC, certificate of birth (for female member's child) and examination certificate / transcript to:*

**Setiausaha
 Koperasi Serbausaha Makmur Berhad
 B-8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,
 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**